



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCİ PERTANIAN 2024 NEGERI MELAKA

**Pertanian Melaka Berdaya Tahan dengan Pendapatan
RM5.34 bilion Sokong Keterjaminan Makanan**

AYER KEROH, 16 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Negeri Melaka yang memperkenalkan parameter baharu bagi sektor pertanian, merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan parameter terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan, nilai jualan, serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Kerjasama di peringkat negeri melibatkan Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Jabatan Perikanan Negeri Melaka, Jabatan Veterinar Negeri Melaka serta Lembaga Kemajuan Ikan Negeri Melaka.

Negeri Melaka merekodkan 13,820 pegangan pertanian dengan 13,018 pegangan pertanian individu meliputi 94.2 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian. Manakala, baki 802 pegangan pertanian adalah yang diuruskan oleh pertubuhan. Profil yang telah kemaskini ini juga menunjukkan terdapat 12,474 pegangan pertanian

subsektor tanaman dengan 11,808 adalah pegangan individu. Selain itu, 989 pegangan individu terlibat dalam subsektor ternakan, 762 pegangan pertanian individu dalam subsektor perikanan tangkapan, 141 dalam subsektor akuakultur dan seorang individu dalam subsektor perhutanan & pembalakan.

Keluasan bertanam Negeri Melaka yang dilaporkan adalah seluas 78.0 ribu hektar. Tanaman utama adalah kelapa sawit meliputi 55.7 ribu hektar, diikuti oleh getah (9.0 ribu hektar), buah-buahan (8.1 ribu hektar). Ketiga-tiga jenis tanaman ini menyumbang 93.3 peratus kepada jumlah keluasan bertanam, manakala tanaman yang selebihnya menyumbang 5.1 ribu hektar.

Dapatan Banci Pertanian 2024 juga merekodkan jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman bagi Negeri Melaka berjumlah RM1.56 bilion, subsektor ternakan RM2.32 bilion, subsektor perikanan tangkapan RM44.74 juta, subsektor akuakultur RM40.70 juta dan subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan RM449.87 ribu.

Prestasi Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian Melaka pada tahun 2023 adalah RM5.34 bilion, dengan subsektor ternakan muncul sebagai penyumbang terbesar iaitu RM3.42 bilion (64.0%), diikuti oleh subsektor tanaman RM1.83 bilion (34.3%), perikanan tangkapan RM46.66 juta (0.87%), akuakultur RM40.77 juta (0.8%) serta perhutanan & pembalakan RM449.87 ribu (0.01%).

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang RM4.76 bilion, bersamaan 89.1 peratus daripada jumlah pendapatan sektor pertanian Negeri Melaka, manakala pegangan individu merekodkan RM574.96 juta (10.9%). Corak yang sama juga ditunjukkan dalam empat (4) subsektor iaitu tanaman, ternakan, akuakultur dan perhutanan & pembalakan. Pegangan pertubuhan menjana pendapatan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1.35 bilion (73.8%) dalam subsektor tanaman, RM3.37 bilion (98.5%) dalam subsektor ternakan, RM36.46 juta (89.4%) dalam subsektor akuakultur dan RM442.87 ribu (98.4%) dalam subsektor perhutanan & pembalakan, berbanding RM478.38 juta (26.6%), RM46.16 juta (1.5%), RM4.31 juta (10.6%) dan RM7,000 (1.6%), masing-masing daripada pegangan individu. Sebaliknya, bagi subsektor perikanan tangkapan, pendapatan daripada pegangan

individu menyumbang sebanyak RM46.10 juta (98.8%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM557.38 ribu (1.2%).

Di peringkat daerah pentadbiran, Jasin merekodkan pendapatan tertinggi dengan RM3.09 bilion, diikuti oleh Alor Gajah (RM1.89 bilion) dan Melaka Tengah (RM353.71 juta). Di peringkat subsektor, Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah masing-masing mencatatkan sumbangan pendapatan subsektor tanaman masing-masing dengan RM819.93 juta, RM791.76 juta dan RM217.91 juta. Bagi subsektor ternakan, Jasin mencatatkan pendapatan tertinggi sebanyak RM2.25 bilion, diikuti oleh Alor Gajah (RM1.06 bilion) dan Melaka Tengah (RM0.11 bilion). Dalam subsektor perikanan tangkapan, Melaka Tengah merekodkan pendapatan tertinggi iaitu RM21.11 juta, diikuti oleh Alor Gajah (RM15.19 juta) dan Jasin (RM10.35 juta). Pendapatan subsektor akuakultur tertinggi dicatatkan di Alor Gajah (RM24.41 juta), diikuti Melaka Tengah (RM8.28 juta) dan Jasin (RM8.08 juta). Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Melaka Tengah mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM442.87 ribu dan Alor Gajah RM7,000.00 manakala tiada pendapatan subsektor perhutanan & pembalakan direkodkan di Jasin.

Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian Negeri Melaka pada tahun 2023 adalah RM2.42 bilion, dengan subsektor ternakan mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM1.83 bilion (75.6%), diikuti oleh subsektor tanaman RM0.56 bilion (23.1%), perikanan tangkapan RM18.19 juta (0.8%), akuakultur RM9.93 juta (0.4%) serta perhutanan & pembalakan RM302.55 ribu (0.01%).

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang RM2.20 billion bersamaan 90.9 peratus kepada keseluruhan perbelanjaan sektor pertanian Melaka, manakala pegangan individu mencatatkan RM215.97 juta (9.1%). Corak yang sama juga ditunjukkan dalam empat (4) subsektor iaitu tanaman, ternakan, akuakultur serta perhutanan dan pembalakan. Pegangan pertubuhan mencatatkan perbelanjaan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM393.59 juta (69.6%) dalam subsektor tanaman, RM1.80 bilion (98.6%) dalam subsektor ternakan, RM8.81 juta (88.7%) dalam subsektor akuakultur dan RM302.27 ribu (99.9%) dalam subsektor perhutanan & pembalakan, berbanding RM170.68 juta (30.4%), RM1.80 bilion (98.6%), RM1.12 juta (11.3%) dan RM280.00 (0.1%), masing-masing, daripada pegangan individu.

Sebaliknya, bagi subsektor perikanan tangkapan, perbelanjaan daripada pegangan individu berjumlah RM17.97 juta (98.8%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak RM220.95 ribu (1.2%).

Di peringkat daerah pentadbiran, Jasin merekodkan jumlah perbelanjaan RM1.28 bilion, diikuti oleh Alor Gajah (RM1.04 bilion) dan Melaka Tengah RM97.05 juta. Mengikut subsektor, Jasin mencatatkan perbelanjaan subsektor tanaman tertinggi iaitu RM257.00 juta, diikuti Alor Gajah (RM238.93 juta) dan Melaka Tengah (RM68.35 juta). Bagi subsektor ternakan, Jasin merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM1.02 bilion, diikuti oleh Alor Gajah (RM790.18 juta) dan Melaka Tengah (RM18.95 juta). Dalam subsektor perikanan tangkapan, Melaka Tengah merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM8.35 juta, diikuti oleh Alor Gajah RM5.90 juta dan Jasin (RM3.94 juta). Perbelanjaan subsektor akuakultur tertinggi dicatatkan di Alor Gajah (RM5.66 juta), diikuti Jasin (RM3.19 juta) dan Melaka Tengah (RM1.09 juta). Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Melaka Tengah merekodkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM302.27 ribu, diikuti oleh Alor Gajah (RM280.00), manakala Jasin tidak merekodkan nilai perbelanjaan dalam subsektor ini.

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Guna Tenaga sektor pertanian Negeri Melaka mencatatkan seramai 19,542 orang pada tahun 2023, dengan sumbangan tertinggi direkodkan di Jasin (8,756 orang), diikuti Alor Gajah (6,795 orang) dan Melaka Tengah (3,991 orang). Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama guna tenaga, merangkumi 12,597 orang.

Purata gaji dan upah tahunan sektor pertanian berjumlah RM23,226, dengan daerah pentadbiran yang merekodkan paras melebihi purata negeri adalah Jasin dengan RM24,749.

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang

menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantai bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Sektor pertanian terus memainkan peranan penting sebagai pemacu pembangunan sosioekonomi Negeri Melaka. Selain menyumbang secara signifikan kepada pendapatan negeri melalui subsektor tanaman dan ternakan, sektor ini turut berperanan dalam menjamin keterjaminan makanan, menyokong rantai industri pemprosesan, menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan isi rumah, khususnya pengusaha pertanian di peringkat daerah dan komuniti setempat.

Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 telah menyediakan statistik pertanian yang komprehensif dan terperinci sehingga ke peringkat daerah dan subsektor. Ketersediaan data granular ini membolehkan perancangan, pemantauan dan pelaksanaan intervensi pembangunan pertanian dilaksanakan secara lebih bersasar dan berimpak tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan banci ini menjadi asas penting dalam menyokong proses pembuatan keputusan berasaskan bukti oleh kerajaan negeri dan pihak berkepentingan, sekali gus memperkukuh daya tahan serta kelestarian sektor pertanian Negeri Melaka dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Disember hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026

**JADUAL 1: PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN,
NEGERI MELAKA, 2023**

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Alor Gajah	1,890.86	Ternakan	1,059.49	Kelapa Sawit	482.50	Buah- Buahan	223.54
Jasin	3,091.74	Ternakan	2,253.38	Kelapa Sawit	573.28	Buah- Buahan	169.93
Melaka Tengah	353.71	Ternakan	105.96	Kelapa Sawit	94.70	Buah- Buahan	79.74



**JADUAL 2: PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN,
NEGERI MELAKA, 2023**

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PERBELANJAAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PERBELANJAAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PERBELANJAAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Alor Gajah	1,040.67	Ternakan	790.18	Kelapa Sawit	139.29	Buah- Buahan	66.69
Jasin	1,283.36	Ternakan	1,019.23	Kelapa Sawit	164.23	Buah- Buahan	63.42
Melaka Tengah	97.05	Kelapa Sawit	27.27	Buah- Buahan	25.08	Ternakan	18.95

PAPARAN 1: SOROTAN SEKTOR PERTANIAN, MELAKA, 2023



SOROTAN SEKTOR PERTANIAN, NEGERI MELAKA, 2023



Sumber: Banci Pertanian 2024

Petunjuk:



@StatsMalaysia

BANI 26
BANKI EKONOMI 2026
SISTEM NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
kemampuran

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEMAMPAHAN PERKUALA
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT: NEGERI MELAKA

RM5.34 billion Revenue Keeps Melaka Agriculture Strong and Food-Secure

AYER KEROH, 16 APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Melaka, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest parameters on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value, and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024, conducted from 7th July 2024 to 31st October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state, and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), the Sarawak Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD) and the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry (MAFFI). Cooperation at the state level involves Melaka Agriculture Department, Melaka State Department of Fisheries, Melaka State Department of Veterinary Services and Melaka State Fisheries Development Authority.

Melaka recorded 13,820 agricultural holdings, of which 13,018 were individual, representing 94.2 per cent of the total. Meanwhile, the remaining 802 agricultural holdings were managed by establishments. The updated profile also indicates 12,474 crop subsector agricultural holdings of which 11,808 are individual. In addition, 989 agricultural holdings individuals are involved in livestock subsector, 762 captured fisheries subsector, 141 in aquaculture subsector and one individual in forestry & logging subsector.

The reported total planted area in Melaka is 78.0 thousand hectares. The main crop is oil palm, covering 55.7 thousand hectares, followed by rubber (9.0 thousand hectares) and fruits (8.1 thousand hectares). These three (3) activities contribute a total of 93.3 per cent of the total planted area, while the remaining crops account for 5.1 thousand hectares.

The Agriculture Census 2024 also recorded that the total sales value for the crop subsector for Melaka amounted to RM1.56 billion, livestock subsector RM2.32 billion, captured fisheries subsector RM44.74 million, aquaculture subsector RM40.70 million and logging & forestry subsector recorded a sales value of RM449.87 thousand.

Income Performance

The total income of the agriculture sector for Melaka in 2023 amounted to RM5.34 billion, with the livestock subsector emerged as the largest contributor at RM3.42 billion (64.0%), followed by the crops subsector RM1.83 billion (34.0%), captured fisheries at RM46.66 million (0.87%), aquaculture at RM40.77 million (0.8%) and forestry & logging at RM449.87 thousand (0.01%).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM4.76 billion, equivalent to 89.1 per cent of Melaka's total agriculture sector income, while individual holdings recorded RM574.96 million (10.9%). A similar pattern was observed in four (4) subsectors: crop, livestock, aquaculture and forestry & logging. Establishment holdings generated higher income of RM1.35 billion (73.8%) in crop subsector, RM3.37 billion (98.5%) in livestock subsector, RM36.46 million (89.4%) in aquaculture subsector and RM442.87 thousand (98.4%) in forestry & logging subsector as compared to RM478.38 million (26.6%), RM46.16 million (1.5%), RM4.31 million (10.6%) and RM7,000.00 (1.6%), respectively, from individual holdings. Conversely,

income in the captured fisheries subsector's individual holdings accounted for RM46.10 million (98.8%) while establishment holdings contributed RM557.38 thousand (1.2%).

At administrative district level, Jasin recorded the highest income at RM3.09 billion, followed by Alor Gajah (RM1.89 billion) and Melaka Tengah (RM353.71 million). At subsector level, Jasin, Alor Gajah and Melaka Tengah recorded crop subsector income of RM819.93 million, RM791.76 million and RM217.91 million respectively. For the livestock subsector, Jasin recorded the highest income at RM2.25 billion, followed by Alor Gajah (RM1.06 billion) and Melaka Tengah (RM0.11 billion). In the captured fisheries subsector, Melaka Tengah recorded the highest income at RM21.11 million, followed by Alor Gajah (RM15.19 million) and Jasin (RM10.35 million). The highest aquaculture subsector income was recorded in Alor Gajah (RM24.41 million), followed by Melaka Tengah (RM8.28 million) and Jasin (RM8.08 million). As for the forestry & logging subsector, Melaka Tengah recorded the highest income at RM442.87 thousand, followed by Alor Gajah at RM7,000.00, while no income for forestry & logging subsector's was recorded in Jasin.

Expenditure

The total expenditure of the agricultural sector for Melaka in 2023 amounted to RM2.42 billion, with the livestock subsector recorded the highest expenditure, amounting to RM1.83 billion (75.6%), followed by the crops subsector RM0.56 billion (23.1%), captured fisheries RM18.19 million (0.8%), aquaculture RM9.93 million (0.4%) and forestry & logging RM302.55 thousand (0.01%).

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM2.20 billion equivalent to 90.9 per cent of Melaka's total agriculture sector expenditure, while individual holdings recorded RM215.97 million (9.1%). A similar pattern was observed in four (4) subsectors: crop, livestock, aquaculture and forestry & logging. Establishment holdings incurred higher expenditure of RM393.59 million (69.6%), in crop subsector, RM1.80 billion (98.6%) in livestock subsector, RM8.81 million (88.7%), in aquaculture subsector and RM302.27 thousand (99.9 %) in forestry & logging subsector as compared to RM170.68 million (30.4%), RM1.80 billion (98.6%), RM1.12 million (11.3%) and RM280.00 (0.1%), respectively, from individual holdings. Conversely, expenditure incurred in the captured fisheries subsector's individual

holdings accounted for RM17.97 million (98.8%) while establishment holdings contributed RM220.95 thousand (1.2%).

At administrative district level, Jasin recorded total expenditure amounting to RM1.28 billion, followed by Alor Gajah (RM1.04 billion) and Melaka Tengah (RM97.05 million). By subsector, Jasin recorded the highest expenditure in the crop subsector at RM257.00 million, followed by Alor Gajah (RM238.93 million) and Melaka Tengah (RM68.35 million). As for the livestock subsector, Jasin recorded the highest expenditure at RM1.02 billion, followed by Alor Gajah (RM790.18 million) and Melaka Tengah (RM18.95 million). In the captured fisheries subsector, Melaka Tengah recorded the highest expenditure at RM8.35 million, followed by Alor Gajah RM5.90 million and Jasin (RM3.94 million). The highest aquaculture subsector expenditure was recorded in Alor Gajah (RM5.66 million), followed by Jasin (RM3.19 million) and Melaka Tengah (RM1.09 million). For the forestry & logging subsector, Melaka Tengah recorded the highest expenditure at RM302.27 thousand, followed by Alor Gajah (RM280.00), meanwhile Jasin recorded no income in this subsector.

Employment and Salaries & Wages

Employment in the agricultural sector in the Melaka recorded a total of 19,542 persons in 2023, with the highest contribution was recorded in Jasin (8,756 persons), followed by Alor Gajah (6,795 persons) and Melaka Tengah (3,991 persons). The crop subsector was the largest contributor to employment, accounting for 12,597 persons.

The average annual salaries and wages in the agricultural sector amounted to RM23,226, with Jasin being the only administrative district exceeding the state average at RM24,749.

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7 December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that

consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

The agricultural sector continues to play an important role as a driver of Melaka's socioeconomic development. In addition to contributing significantly to the state's income through the crop and livestock subsectors, the sector also plays a role in ensuring food security, supporting the agro-processing value chain, providing employment opportunities and increasing household income, particularly among agricultural operators at the district and local community levels.

The implementation of the Agricultural Census 2024 has provided comprehensive and detailed agricultural statistics down to the district and subsector levels. The availability of such granular data enables more targeted and impactful planning, monitoring, and implementation of agricultural development interventions. Overall, the findings of the census serve as a key foundation in supporting evidence-based decision-making by the state government and relevant stakeholders, while also strengthening the resilience and sustainability of the Melaka's agricultural sector in facing future challenges.

The Agriculture Census is conducted once every ten years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026**

TABLE 1: INCOME OF THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, MELAKA, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL INCOME (RM Million)	MAIN ACTIVITY	INCOME FROM MAIN ACTIVITY (RM Million)	SECONDARY ACTIVITY	INCOME FROM SECOND ACTIVITY (RM Million)	THIRD ACTIVITY	INCOME FROM THIRD ACTIVITY (RM Million)
Alor Gajah	1,890.86	Livestock	1,059.49	Oil palm	482.50	Fruits	223.54
Jasin	3,091.74	Livestock	2,253.38	Oil palm	573.28	Fruits	169.93
Melaka Tengah	353.71	Livestock	105.96	Oil palm	94.70	Fruits	79.74



TABLE 2: EXPENDITURE OF THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, MELAKA, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL EXPENDITURE (RM Million)	MAIN ACTIVITY	EXPENDITURE FROM MAIN ACTIVITY (RM Million)	SECONDARY ACTIVITY	EXPENDITURE FROM SECOND ACTIVITY (RM Million)	THIRD ACTIVITY	EXPENDITURE FROM THIRD ACTIVITY (RM Million)
Alor Gajah	1,040.67	Livestock	790.18	Oil palm	139.29	Fruits	66.69
Jasin	1,283.36	Livestock	1,019.23	Oil palm	164.23	Fruits	63.42
Melaka Tengah	97.05	Oil palm	27.27	Fruits	25.08	Livestock	18.95

EXHIBIT 1: HIGHLIGHTS OF AGRICULTURE SECTOR, MELAKA, 2023



HIGHLIGHTS OF AGRICULTURE SECTOR, MELAKA, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Legend:



@StatsMalaysia

B4/26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
kemampuan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
BERSAMA SAMA MELAKA
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030

